

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah status dan perkembangan pembinaan Kompleks Sukan Daerah Tenom.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah mengiklankan tender bagi projek ini pada 15 September 2020. Taklimat tender sepatutnya berlangsung pada 5 Oktober 2020 yang lalu di Kompleks Sukan Tenom, namun demikian kerajaan telah mengarahkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di seluruh Negeri Sabah pada 12 Oktober 2020. Sehubungan dengan itu, iklan tender tersebut telah dibatalkan pada 2 Oktober 2020 dan dijangka akan diiklankan semula pada 24 Disember 2020.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[MERBOK]**

**SOALAN**

**PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan penggabungan UEM Sunrise dan Eco-World terhadap pasaran hartanah.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Cadangan untuk menggabungkan UEM Sunrise Berhad (UEM Sunrise) dan EcoWorld Development Group Berhad (EcoWorld) telah diutarakan oleh UEM Group Berhad (UEM Group), sebuah syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad, untuk pertimbangan lembaga pengarah kedua-dua buah syarikat hartanah tersebut. Cadangan berhubung perkara ini telah dikemukakan berdasarkan kepada manfaat komersial yang mampu diraih hasil daripada penggabungan tersebut.
2. Cadangan penggabungan ini masih di peringkat awal perbincangan dan tertakluk kepada pelaksanaan kajian terperinci (*due diligence*) serta persetujuan semua pemegang saham UEM Sunrise dan EcoWorld sekiranya kedua-dua syarikat ini bersetuju untuk memulakan perbincangan penggabungan selanjutnya.
3. Selain itu, cadangan penggabungan ini adalah tidak melibatkan tunai tetapi transaksi pertukaran saham dan waran yang mampu mengukuhkan lagi kedudukan UEM Sunrise.
4. Sebarang keputusan yang berkaitan dengan cadangan penggabungan ini adalah bersifat komersial dan menjadi tanggungjawab syarikat-syarikat yang terlibat untuk memastikan penggabungan ini menghasilkan sinergi yang terbaik dengan mengambil kira kepentingan pemegang saham syarikat masing-masing.

Sekian, terima kasih.